

2 MAR 1996

Mahathir-Struktur

PM MAHU ASEM DITERUSKAN SECARA TIDAK FORMAL

Oleh: Michael Raj

BANGKOK, 2 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata lebih banyak yang boleh dicapai jika Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) terus diadakan secara tidak formal daripada menginstitusikannya.

Katanya langkah menginstitusikan ASEM bermakna ia menjadi satu struktur tetap dan melengahkan pendekatan berorientasikan tindakan yang telah dipersetujui oleh 10 negara Asia dan 15 negara Eropah pada pertemuan bersejarah selama dua hari di sini.

Bagaimanapun, "Saya tidak boleh berkata ia tidak akan dijadikan satu pembentukan formal...kerana beberapa negara mungkin akan mengemukakan cadangan memformalkan ASEM," katanya pada satu persidangan berita pada akhir ASEM hari ini.

Sudahpun terdapat cadangan bagi mesyuarat menteri-menteri kewangan ASEM, menteri-menteri ekonomi malah di kalangan pegawai kanannya, yang mungkin boleh diselaraskan oleh negara tuan rumah.

Bagaimanapun mungkin akan ada gesaan daripada beberapa negara bagi pembentukan satu sekretariat tetap pada satu peringkat, katanya.

Dr Mahathir mendedahkan bahawa semasa pertemuan tidak formal para pemimpin itu, perwakilan Eropah mendesak supaya ASEM dikekalkan sebagai satu sidang tidak formal dan suasana relaks sepanjang dua hari lepas membolehkan mereka berbincang secara terbuka.

Ini lebih baik daripada "duduk mengelilingi meja persidangan yang suram dengan pelbagai pegawai di belakang mereka," katanya dan ASEM sebaliknya telah mencapai lebih daripada itu.

Dr Mahathir berkata beliau merasakan ASEM lebih berjaya daripada forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) kerana ia menumpukan kepada projek-projek sedangkan Apec menekankan kepada dasar dan struktur.

Sebagai contoh, katanya cadangan oleh para pemimpin untuk mengkaji projek landasan kereta api yang menghubungkan Asia dan Eropah boleh dilaksanakan.

Ditanya mengenai pembesaran keanggotaan dan kemungkinan memasukkan India dan Pakistan ke dalam ASEM, beliau berkata: "Saya tidak fikir kita harus menjadi eksklusif tetapi pada satu peringkat Asia Timur perlu diperluaskan dan memasukkan negara seperti India dan Pakistan.

"...tetapi masalahnya ialah jika anda memasukkan kedua-dua negara ini, yang lain akan berkata anda perlu memasukkan Australia dan New Zealand ... ini akan meletakkan satu wajah baru keseluruhannya."

Dr Mahathir berkata beliau berpendapat bahawa Australia dan New Zealand bukan sebahagian daripada Asia dan keutamaan kini ialah bagi ASEM untuk menjadi lebih positif.

Katanya tumpuan sekarang haruslah terhadap "memperdalamkan ASEM daripada pembesaran...kita harus bersatu terlebih dahulu supaya ia mempunyai asas yang kukuh untuk merapatkan Asia dan Eropah." -- BERNAMA

MR RON